

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH:31.12.2021 MASA:16.11

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *PEOPLE'S AQUARIUM* DAN DATARAN
RAKYAT, BANDAR PERDA, SEBERANG PERAI TENGAH

TARIKH / MASA / TEMPAT

31 DISEMBER 2021 (JUMAAT)
8.30 MALAM

DATARAN RAKYAT
BERHADAPAN MENARA BANDARAYA MBSP
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada malam yang barakah ini di Majlis Perasmian *People's Aquarium* Dan Dataran Rakyat, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada malam ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Perniagaan menggunakan *FoodTruck* atau perniagaan trak bergerak (makanan, barangan dan perkhidmatan) kini telah menjadi satu trend yang baru di bandar dan semakin berkembang maju. Ini adalah berikutan perubahan gaya hidup rakyat di bandar yang semakin sibuk dan kesuntukan masa untuk memenuhi keperluan harian.

Situasi ini memberi peluang kepada peniaga sedia ada atau baharu untuk merebut segmen pasaran yang sedang berkembang pesat di bandar. Model perniagaan secara tradisional di premis tetap kurang menguntungkan jika segmen pasaran disasarkan kepada golongan ini. Justeru, perniagaan *FoodTruck* adalah lebih sesuai dan semakin mendapat tempat di hati rakyat di bandar serta membentuk budaya baharu dalam rangkaian perniagaan makanan, barangan dan perkhidmatan di Malaysia.

Perniagaan *FoodTruck* (makanan, barangan dan perkhidmatan) membolehkan peniaga memberi perkhidmatan lebih pantas di mana- mana tempat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam suasana yang lebih santai, urban, *hype* dan mudah diakses oleh orang awam.

Sebagai garis panduan asas, setiap peniaga *foodtruck* hendaklah berniaga di petak parkir sedia ada yang dikhaskan dan digunakan sebagai lokasi perniagaan *foodtruck*; waktu operasi perniagaan adalah dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam termasuk semasa pesta / karnival; dan peniaga perlu membuat permohonan lesen / permit dan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat lesen dan permit.

Sehingga kini, terdapat enam (6) tapak *food truck* atau trak makanan dengan bilangan keseluruhan petak sebanyak 111, yang beroperasi di lokasi-lokasi spesifik seluruh Seberang Perai dan dikendalikan oleh badan-badan penganjur.

- I. SEBERANG PERAI UTARA (dua tapak *food truck* dengan 25 petak)
 1. Tapak Rekreasi Vision Park, Bertam dengan 15 petak.
 2. Perkarangan Pusat Perniagaan Oren, Butterworth dengan 10 petak.

- II. SEBERANG PERAI TENGAH (empat tapak *food truck* dengan 86 petak)
 1. Tapak Parkir depan Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan 30 petak.

2. Dataran Rakyat bersebelahan *Upcycle Park* MBSP, Bandar Perda dengan 16 petak.
3. Ruang Parkir di *The Summit Bukit Mertajam* dengan 10 petak.
4. Jalan 11, Perkampunang Juru dengan 00 petak.

Selain itu, ada juga *food truck* yang bergerak sendiri dan berniaga di pelbagai lokasi umum seperti di:-

1. Jalan Susur yang tidak digunakan.
2. Tanah-Tanah Persendirian Tapak Parkir yang tidak digunakan pada waktu malam.
3. Bawah *Flyover* dengan kebenaran tuan tanah.
4. Tapak yang dikhaskan pemaju untuk tapak penjaja.
5. Tapak Parkir Pasaraya Pusat Membeli Belah dan Kompleks Perniagaan.
6. Tapak Parkir Pasar Awam selepas waktu operasi pasar.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Dataran *Rakyat*, Bandar Perda ini terletak di jalan susur di Pintu 1 MBSP - bersebelahan *People's Aquarium* sepanjang 100 meter, Jalan Perda Barat, Seberang Perai Tengah. Kos pelaksanaan projek ini

berjumlah RM100,000.00 dan diterima melalui peruntukan bagi projek di bawah peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Wang Amanah di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2021. Projek bermula pada 24 November 2021 dan siap di tapak pada 31 Disember 2021.

Komponen yang dinaiktaraf di sini adalah pemasangan *interlocking tiles*, mengecat semula garisan tempat letak kereta dan pemasangan *signage People's Aquarium*. Projek ini dilaksanakan bagi penambahbaikan ke atas kemudahan rekreasi sediada yang berfungsi sebagai dataran *foodtruck* di samping menyediakan ruang untuk aktiviti rekreasi / riadah untuk masyarakat setempat.

Susunatur *interlocking* yang dipasang adalah bertemakan ikan koi memberi kesinambungan dengan *People's Aquarium* di sebelah dataran *foodtruck*. Susunatur *interlocking* ini dapat memberikan keunikan baru di Bandar Perda di samping pemandangan yang menarik terutamanya pada waktu malam dengan dilimpahi pencahayaan yang berlatarbelakangkan bangunan Menara MBSP.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

MBSP telah pun membangunkan enam (6) kemudahan rekreasi di kawasan ini yang telah memberi manfaat kepada 50,000 penduduk sekitar yang kebanyakannya adalah daripada golongan B40. Antara projek- projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah:-

1. ***People's Aquarium*** yang merupakan sebahagian daripada projek Taman Komuniti, Bandar Perda. MBSP telah mengambil inisiatif untuk menjadikan parit ini sebagai kolam ikan bagi memenuhi keperluan masyarakat sekitar yang memerlukan kawasan rekreasi bersama keluarga di samping dapat memberikan pemandangan yang cantik dan indah di Bandar Perda. Kolam ini diisikan dengan ikan *Japanese Koi* dan juga ikan Tilapia Merah yang telah disumbangkan oleh wargakerja MBSP.
2. ***Upcycle Park*** merupakan taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi) dan mempunyai keunikan tersendiri dengan penyediaan ruang yang dilengkapi dengan barangan dan perkakasan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi.

Komponen-komponen yang disediakan adalah seperti laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter yang telah dicat, jeti, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai. Taman ini merupakan Taman *Upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia dan diiktiraf dalam *The Malaysia Book of Records* (MBR) sebagai *the First Organisation To Develop Upcycle Park* pada 28 Julai 2018.

3. **One Baby One Tree Park** yang lokasinya terletak di sepanjang Rezab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, Seberang Perai Tengah (bersebelahan dengan Politeknik Seberang Perai). Pokok-pokok yang telah ditanam telah mendapat tajaan daripada kesemua 24 Ahli Majlis MBSP dengan kos keseluruhan sebanyak RM4,800.00. Setiap Ahli Majlis telah menaja sebanyak sepuluh (10) batang pokok berharga RM20.00/pokok. Ianya melibatkan penyertaan 208 kakitangan kakitangan MBSP yang mempunyai cahaya mata yang dilahirkan pada tahun 2017 sehingga Mac 2018. Pokok-pokok dari spesies buah-buahan iaitu pokok Ciku (*Manilkara zapota*) dan pokok Jambu kancing / air (*Syzygium aqueum*).
4. **Cycle to Work** melibatkan laluan berbasikal sepanjang 1,175 meter dengan kelebaran 1.5 meter yang siap sepenuhnya pada 13 April 2018. Laluan ini mewujudkan *connectivity* di antara

kawasan perumahan, institusi-institusi pendidikan, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, tempat riadah dengan perkhidmatan BEST (*Bridge Express Shuttle Transport*) dan CAT (*Central Area Transit*) yang terletak kawasan sekitar kawasan Bandar Perda secara *dedicated lane* dan *road sharing*. Pembinaan laluan *Cycle to Work* ini dapat menghubungkan tempat kediaman dengan *Central Business District* (CBD) Bandar Perda yang terdiri daripada pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, bank-bank, pusat-pusat perniagaan, restoran dan kedai makan, institusi-institusi pendidikan dan tempat riadah. Penyediaan laluan *Cycle to Work* merupakan salah satu usaha untuk menjadikan berbasikal ke tempat kerja sebagai satu amalan untuk mengurangkan pelepasan karbon supaya Seberang Perai menjadi bandar rendah karbon dan seterusnya menjadikan Seberang Perai - *Aspiring City of Tomorrow*.

5. **Eko Koridor** melibatkan kerja-kerja merekabentuk dan menaiktaraf landskap di kawasan ini adalah melalui Program 7P's (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*) oleh United Cities And Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) yang berjumlah USD65,000.00 (RM265,000.00 pada nilai tukaran wang semasa). Antara komponen-komponen yang disediakan di kawasan ini adalah :

- Pembinaan laluan pejalan kaki
- Pembinaan dataran kejut dan *ramp* OKU
- Kerja-kerja Pembinaan struktur '*m.s. Steel Bridge*'
- Pembinaan struktur '*sculptural archway*'
- Pembinaan ruangan penyelenggaraan
- *Concrete seating wall*
- *Bollard*
- *Concrete planter box*
- Memasang papan tanda larangan dan pemberitahuan

6. Dan yang terkini, **Lingkarang Bougainvillea** (*Bougainvillea Belt*) yang berukuran 15,400 meter persegi dengan kos projek berjumlah RM913,010.00 Projek ini telah bermula pada 2 Disember 2021 dan antara komponen yang dinaiktaraf adalah Dataran Kejut, Pemasangan *Precast I-Curb*, dan Penanaman pokok Bunga Kertas (*Bougainvillea spp*). Tanaman yang ditanam di kawasan Lingkarang Bougainvillea merupakan dari spesies pokok renek iaitu Bunga Kertas (*Bougainvillea spp*) berjumlah 12,900 batang, Happenies Tree (*Garcenia subelliptica*) sebanyak 70 batang dan Pokok Pinang (*Areca catechu*) sebanyak empat (4) batang. Lingkarang Bougainvillea

(*Bougainvillea Belt*) diberi nama adalah bersempena sejumlah 30 spesies pokok Bunga Kertas (*Bougainvillea spp*) yang terdapat di Asia Tenggara di tanam di kawasan ini.

Projek-projek ini dilaksanakan bagi penambahbaikan ke atas kemudahan rekreasi sediada yang berfungsi sebagai *Green Lung* di samping menyediakan ruang untuk aktiviti rekreasi / riadah untuk masyarakat setempat.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan CO₂e per kapita kepada 4.0 tan CO₂e per kapita. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. Satu rekod yang membanggakan iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan GHG dari 8.0 tan CO₂e pada tahun 2017 kepada 6.31 tan CO₂e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020.

MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5°C. MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”.

Akhir kata, saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang dikasihi yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan SELAMAT TAHUN BARU.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.